

**Wakil Rakyat BN Sabah Diingat Penuhi Tanggungjawab Kepada Rakyat
Bernama
28 Jan, 2014**

KOTA KINABALU, 28 Jan (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman mengingatkan wakil rakyat Barisan Nasional (BN) negeri supaya memenuhi tanggungjawab mereka kepada rakyat yang telah memilih mereka pada pilihan raya umum lepas.

Pengerusi BN negeri itu berkata sekarang adalah masa untuk bekerja dan semua wakil rakyat perlu fokus dalam tugas membangunkan rakyat agar BN terus relevan.

"Jangan kita terikut-ikut dengan cara pembangkang yang tiada hala tuju. "Rakyat sudah memberi mandat. Jangan kita suka hati mahu letak jawatan (sebagai wakil rakyat). Ini (peletakan jawatan) amat mengecewakan rakyat," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Umno negeri di sini malam ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan wakil rakyat Parti Keadilan Rakyat (PKR) Lee Chin Cheh meletak jawatan sebagai anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kajang, Selangor semalam.

Musa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah juga meminta semua anggota parti itu supaya rajin turun padang memberi penerangan kepada rakyat mengenai bantuan dan program pembangunan kerajaan.

Beliau berkata sayap Pemuda dan Puteri juga perlu giat mendaftarkan anggota baharu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1010844>